

# Perkongsian kepakaran universiti, masyarakat lonjak ekonomi negara

**M**emahami keistimewaan patin kepada Temerloh dan potensi untuk dinaik taraf kepada industri dinamik, satu kumpulan pakar dari pelbagai bidang kepakaran Universiti Putra Malaysia (UPM) memulakan program khas untuk membantu peternak patin menjadi lebih berpengetahuan dan memperkenalkan mereka dengan pelbagai industri hiliran patin.

Di Mukim Batu Talam, Raub pula gerakan transformasi ternakan kambing dilakukan yang membabitkan 30 keluarga sudah berjaya dilakukan dalam tempoh dua tahun lalu dengan juga menggunakan kepakaran UPM.

Di Terengganu usaha digerakkan oleh pakar ilmuwan dari Universiti Sultan Zainal Abidin (UNISZA) untuk mendedahkan usahawan tempatan dan membantu mereka mendapatkan pensijilan halal dan membangunkan manual Makanan Selamat Tanggungjawab Industri (MesTI).

Di Perlis dan Kedah, penanam cendawan tiram dilatih mengha-

silkan benih sendiri menggunakan teknik tisu kultur berkos rendah yang selama ini diimport dari negara jiran. Ia dilakukan oleh ilmuwan dari Universiti Malaysia Perlis (UniMAP). Di Kuala Nerang, Kedah, ahli akademik dari USM dan Al-Bukhary University membantu peniaga kecil untuk menguruskan modal kerja mereka. Di Sabah, dua projek yang membabitkan pengurusan pengkuluran rumpai laut dilakukan oleh ahli akademik dari Universiti Malaysia Kelantan (UMK) dan Universiti Malaysia Sabah (UMS).

**Pembangunan ekonomi**  
Ini adalah sebahagian daripada kisah kejayaan Program Pemindahan Ilmu yang menunjukkan bagaimana sinergi dilakukan di antara pelbagai kepakaran universiti dapat digembangkan untuk masyarakat, industri dan negara. Sekali gus ini menunjukkan bahawa pandangan menara gading terpisah daripada masyarakat semakin terhakis kerana hakikatnya kepakaran yang ada terbukti dapat dikongsi seluasnya dengan masyarakat.

Sungguh pun masih ada pandangan yang universiti tidak lebih daripada sebuah kilang yang mengeluarkan siswazah untuk memenuhi keperluan guna tenaga termasuk industri, namun kejayaan Program Pemindahan Ilmu yang menjadi satu daripada Projek Agenda Kritis Kementerian Pendidikan

sudah menunjukkan hasil sangat memberangsangkan, bukan saja dalam peningkatan pendapatan, perkembangan dan pembangunan ekonomi masyarakat, malah dalam pendidikan.

Program Pemindahan Ilmu adalah satu usaha yang menggembangkan kerjasama semua pihak, daripada kepakaran yang ada di universiti, dana daripada kerajaan dan swasta sehingga kepada masyarakat yang mendapat faedah daripada usaha yang dilakukan oleh semua pihak dalam merasakan hasrat ini.

## Kepakaran universiti

Walaupun berpusat secara rasmi di Universiti Sains Malaysia (USM), hakikatnya ia menggembangkan kekuatan kepakaran semua universiti yang ada untuk faedah masyarakat dan negara. Ia sekali gus berupaya membuktikan bagaimana hasil kepakaran ilmuwan kita dapat secara langsung dinikmati oleh masyarakat terbanyak di seluruh negara.

Hampir semua universiti terbaik dalam program ini, yang juga menunjukkan bahawa sebagai sebuah Universiti APEX yang kini diamanahkan kepada USM, bukan hanya melihat ilmu dalam konteks universiti itu semata-mata, tetapi secara berterusan menggembangkan tenaga dan kepakaran semua universiti untuk sama-sama berkongsi dengan masyarakat.

Ia adalah contoh terbaik bagaimana kepakaran yang ada digembangkan, bukan lagi dalam bentuk usaha sama penyelidikan tetapi menjadikan hasil daripada penyelidikan dan kepakaran yang ada selama ini tersimpan di universiti dalam khazanah penerbitannya termasuk dalam jurnal, kini dikembalikan kepada masyarakat untuk dikongsi bersama.

Projek ini dilihat sebagai satu penyelesaian dalam usaha pengkuhan ilmu terhadap industri dan komuniti secara menyeluruh yang mana sama-sama menyelesaikan masalah dalam masyarakat dan membantu meningkatkan taraf hidup dan pendapatan dalam kalangan ahli masyarakat secara inklusif kerana ia membabitkan kumpulan masyarakat yang dilihat agak terkebelakang.

Program Pemindahan Ilmu seharusnya disokong dan menjadi kebanggaan negara terhadap konsep Ilmu Untuk Semua itu benar-benar direalisasikan dalam masyarakat dan menunjukkan betapa pentingnya ilmu dan upaya saling bersinergi dalam ekosfera pengajian tinggi dengan memenuhi keperluan dan tuntutan masyarakat dan negara seluruhnya.

## Penulis

ialah Timbalan Pendaftar Kanan Pejabat Naib Canselor USM



KOK  
G

“  
ia sekali gus  
berupaya  
membuktikan  
bagaimana hasil  
kepakaran  
ilmuwan kita  
dapat secara  
langsung  
dinikmati oleh  
masyarakat  
terbanyak di  
seluruh negara”



MOHAMAD  
ABDULLAH